

24-7-2026

Bank Rakyat Sedia Pembiayaan RM167 Juta Untuk LRA Sungai Kerian - Sim



GEORGE TOWN, 24 Julai (Bernama) -- Bank Rakyat menyediakan kemudahan pembiayaan berjumlah RM167 juta, iaitu 80 peratus daripada kos pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan, dekat sini.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Steven Sim berkata pembiayaan itu membuktikan bahawa peranan Bank Rakyat bukan sekadar menyediakan modal kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), malah turut menyokong pembangunan infrastruktur kritikal yang memberikan manfaat secara langsung kepada rakyat dan ekonomi.

"Kita bukan sahaja membiayai perniagaan, tetapi membiayai masa depan negeri dan negara. Pembiayaan ini akhirnya akan diterjemahkan kepada bekalan air yang lebih stabil, pertumbuhan industri serta peluang ekonomi yang lebih luas," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau juga berharap projek itu dapat disiapkan mengikut jadual dengan memberikan keutamaan kepada aspek keselamatan, kualiti pembinaan, pemeliharaan alam sekitar dan tadbir urus yang baik.

Projek bernilai lebih RM209 juta itu melibatkan pembinaan loji rawatan air berkapasiti 80 juta liter sehari (JLH) menerusi model Bina-Kendali-Pindah Milik (BOT) selama 30 tahun dan Bank Rakyat merupakan institusi kewangan tunggal yang membiayai projek tersebut dengan tempoh pembiayaan selama 15 tahun.

Sim berkata sebagai sokongan tambahan kepada projek infrastruktur kritikal negeri, Bank Rakyat juga memberikan tempoh tangguh pembayaran (grace period) selama dua tahun.

Terdahulu, Ketua Menteri Chow Kon Yeow yang merasmikan majlis pecah tanah LRA Sungai Kerian itu berkata loji berkenaan dijangka membekalkan tambahan 80 juta liter air terawat sehari kepada kira-kira 223,000 pengguna di Seberang Perai Selatan (SPS) dan Seberang Perai Tengah (SPT) apabila mula beroperasi pada pertengahan 2027.

Beliau berkata LRA Sungai Kerian juga ialah projek bekalan air pertama di Pulau Pinang yang dilaksanakan menerusi BOT dengan Inya Water Engineering (M) Sdn Bhd (Inya) akan membina, mengendalikan dan menyelenggara loji selama 30 tahun sebelum pemilikannya dipindahkan kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Pengerusi Lembaga Pengarah PBAPP itu berkata walaupun projek tersebut menggunakan teknologi rawatan air konvensional, pendekatan BOT yang diperkenalkan ialah satu pembaharuan penting dalam pembangunan infrastruktur bekalan air negeri.

"Melalui model ini, PBAPP tidak perlu menanggung kos pembinaan dan operasi loji, sebaliknya PBAPP hanya akan membeli air terawat yang dihasilkan oleh loji ini pada kadar permulaan 98 sen bagi setiap meter padu (m³) mulai 2027, dengan semakan harga setiap lima tahun mengikut perbandingan.

"Tambahan kapasiti 80 JLH itu hanya mewakili kira-kira 6.6 peratus daripada keseluruhan 1,208 JLH air terawat yang dihasilkan PBAPP tahun lepas, justeru PBAPP akan menyerap kos pembelian air terawat tersebut sebagai sebahagian daripada kos operasi bagi tempoh dua tahun," katanya.

Chow berkata operasi LRA Sungai Kerian tidak akan memberikan sebarang kesan terhadap kadar tarif air di Pulau Pinang bagi 2027 dan 2028.